

# PEMERKASAAN INSTITUSI KELUARGA MELALUI DASAR KELUARGA MALAYSIA

Penulis Artikel

Shafiyah Iqlima Binti Mohd Nadzri

Penyelidik Kluster Kesejahteraan Sosial





## Pemeriksaan Institusi Keluarga Melalui Dasar Keluarga Malaysia

Kertas **PERSPEKTIF** adalah satu siri penulisan oleh pengarang bagi mengemukakan pelbagai maklumat dan pandangan kepada pembaca mengenai sesuatu tajuk.

Semua fakta dan perspektif yang dinyatakan adalah di bawah tanggungjawab pengarang.

Sehubungan dengan itu, pengarang amat berbesar hati sekiranya para pembaca juga dapat berkongsi maklum balas mengenainya.

**Emel Pengarang** : [iqlima@tsis.my](mailto:iqlima@tsis.my)

## Pendahuluan

Mengikut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, keluarga bermaksud hubungan atau pertalian antara seseorang dengan seseorang yang lain sebagai anggota sesebuah keluarga. Tidak dinafikan, keluarga merupakan institusi sosial yang paling kecil namun ia mampu memberi sumbangan yang besar kepada pembinaan sebuah negara dan peradaban (Zaiton Mustafa, Roslan Nor, 2019).



Rajah 1: Keluarga Komponen Terpenting (Sumber: Google Image)

Agama Islam turut menekankan kepentingan institusi keluarga sepertimana firman Allah;

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا

*Wahai orang-orang beriman, lindungilah dirimu dan keluargamu dari api neraka” (at-Tahrim: ayat 6).*

Ayat di atas menerangkan kepada kita tentang peri pentingnya menjaga ahli keluarga. Konsep melindungi keluarga amat dituntut dalam Islam sehinggakan al-Quran menceritakan bagaimana model pendidikan keluarga berdasarkan kisah Luqman al-Hakim sepertimana yang disebut dalam Surah Luqman ayat 13-19. Intipati yang disentuh berkenaan pembinaan asas sesebuah keluarga dalam surah tersebut adalah dengan memberi didikan akidah, begitu juga berkenaan akhlak iaitu cara berkomunikasi dengan ibu bapa adalah dengan menghormati dan bersopan santun dengan mereka. Melalui cara tersebut ia mampu membentuk insan yang berilmu serta bersopan santun sekali gus mampu melahirkan sebuah keluarga yang harmoni.

Institusi ini menjadi komponen terpenting lebih-lebih lagi dalam mendepani pasca pandemik COVID-19 (Ratna Razak, Nik Haslinda, 2007). Penularan virus tersebut meninggalkan implikasi yang amat besar kepada pertumbuhan sebuah keluarga yang sejahtera. Antara kayu ukur yang boleh digunakan adalah peningkatan kes yang melibatkan keganasan rumahtangga, perceraian, penderaan dan lain-lain lagi.

Tambahan pula, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) melaporkan kes penderaan kanak-kanak serta sumbang mahram meningkat khusus ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan bahkan berdasarkan kenyataan tersebut juga, tindakan yang diambil terhadap aduan yang terima sedikit lambat telah meninggalkan kesan yang signifikan kepada kerencatan institusi kekeluargaan (Noor Azizah, 2020).

Oleh itu, proses bagi melahirkan masyarakat yang hebat perlu dimulakan dengan usaha daripada setiap individu untuk membina sebuah institusi keluarga yang dapat berfungsi dengan baik sehingga mampu menyumbang ke arah kesejahteraan masyarakat. Justeru, pengenalan konsep Keluarga Malaysia amat tepat sekali bagi memperkukuh lagi institusi terpenting ini yang akan menjadi asas kepada pembentukan sebuah keluarga yang harmoni dan bahagia sekali gus mampu membawa negara lebih maju ke hadapan. Selain itu, pendekatan keluarga harmoni berlandaskan Maqasid Syariah juga perlu ditekankan bagi memastikan isu ini dapat ditangani dengan tepat dan holistik.

Melihat kepada isu-isu yang diutarakan di atas, maka penulisan ini sangat penting bagi menyatakan peri pentingnya institusi kekeluargaan dalam pembinaan bangsa dan negara serta usaha bagi memperkasakan kembali institusi tersebut yang semakin rapuh akibat pandemik COVID-19 melalui Dasar Keluarga Malaysia. Selain itu, sejauh mana pentingnya pendekatan Maqasid Syariah dalam membina keluarga yang harmoni juga diketengahkan.

## **Peranan Institusi Keluarga**

Kewujudan sebuah keluarga datangnya daripada individu. Keluarga yang telah dibentuk daripada individu-individu akan menjadi egen kepada sosialisasi yang terpenting dalam masyarakat. Oleh itu, keutuhan institusi keluarga dan ikatan kekeluargaan menjadi sumber terpenting bagi melahirkan sebuah keluarga yang harmoni sekali gus menjadi penyumbang kepada pembangunan bangsa dan negara.

Sebuah keluarga yang kuat lahirnya daripada ahli keluarga yang sentiasa saling menghidupkan, memelihara sehingga mampu berfungsi dengan sebaiknya dalam mendepani apa jua cabaran. Sebagai contoh, keluarga yang hebat hubungannya antara ahli keluarganya tidak akan membiarkan ahli mereka kemurungan akibat terperuk sepertimana yang berlaku ketika PKP baru-baru ini, kes kesihatan mental meningkat berpunca daripada kemurungan di rumah. Isu ini boleh dibendung jika mereka sentiasa aktif dan positif dalam kehidupan sosial hasil daripada kekuatan mental dan fizikal yang dibina dalam kalangan ahli keluarga tersebut (Mualimin Mochammad Sahidi, 2020). Jelas sekali, keluarga yang hebat dan kuat akan melahirkan individu yang mampu berperanan dalam apa jua keadaan.


Perkara ini juga selari dengan tuntutan al-Quran dan Sunnah yang berulang kali menyentuh berkenaan keperluan membina sebuah keluarga yang harmoni dan kuat. Selain itu, panduan menjadi pemimpin keluarga yang baik dan bertanggungjawab serta pentingnya menjaga segala yang diamanahkan dalam keluarga juga telah disentuh. Bahkan kepentingan memahami hak dan tanggungjawab setiap ahli keluarga juga turut dijelaskan. Perkara ini bagi memastikan ahli keluarga memainkan peranan masing-masing bagi melahirkan sesebuah keluarga yang stabil dan harmoni sekali gus mampu menghasilkan individu yang akan memimpin sesebuah negara.

Seperti mana dalam sabda Nabi SAW: “Orang yang paling baik di antara kalian adalah dia yang paling baik untuk keluarganya, dan aku adalah orang yang paling baik di antara kalian untuk keluargaku” (HR Ibnu Majah, No. 1977).

## Antara Krisis Yang Melibatkan Institusi Keluarga

Namun, situasi yang berlaku pada hari ini merencatkan perkembangan positif institusi kekeluargaan bahkan pasca pandemik COVID-19 juga meninggalkan satu implikasi negatif yang cukup signifikan. Krisis dan masalah yang berlaku dalam rumahtangga menyebabkan keharmonian serta kesejahteraan keluarga terganggu sekali gus tidak mampu berperanan sebaiknya dalam mendepani cabaran semasa. Antara krisis yang menjurus ke arah keruncingan institusi ini adalah;

### 1. Sugar Baby & Sugar Daddy



**Rajah 2:** 10 Universiti Tertinggi Bilangan Penyertaan 'Sugar Baby' (Sumber: Bernama, 2021)

Salah satu gejala yang kian berlegar dalam kalangan masyarakat hari ini adalah isu temujanji 'Sugar Baby' dan 'Sugar Daddy' yang dijalankan melalui platform TheSugarbook. Temujanji yang dibuat antara wanita dan lelaki yang bukan mahram dengan bermotifkan mencari teman hidup sampingan jelas sekali gus mampu menghakis nilai kepercayaan serta kesetiaan bagi pasangan yang telah berkahwin. Perkara ini akan membawa kepada peningkatan perceraian disebabkan terhapusnya nilai-nilai tersebut.

Bahkan berdasarkan kajian, kebanyakan 'Sugar Daddy' adalah mereka yang telah mendirikan rumah tangga (Ainaa Aiman, 2021).

Selain itu, gejala menjalinkan hubungan untuk mendapatkan manfaat kewangan ini juga melibatkan ramai anak muda yang juga penuntut di universiti tempatan. Buktinya, berdasarkan kenyataan pengasas aplikasi tersebut menyatakan seramai 14,000 'Sugar Baby' terdiri daripada pelajar universiti di Malaysia bahkan pada Januari 2021, bilangan tersebut meningkat sehingga 40% (Kamaruzzaman Yusoff, 2021). Perbuatan ini akan menjurus ke arah penzinaan yang akan merosakkan nasab keturunan, seterusnya menghancurkan keharmonian dan kestabilan institusi masyarakat. Malahan, ia juga turut memberi kesan kepada anak-anak muda yang bakal menerajui institusi kekeluargaan pada masa hadapan.

### 2. Keganasan Rumahtangga

Fenomena keganasan keluarga kini menjadi isu hangat yang sering diperkatakan oleh komuniti dan masyarakat lebih-lebih lagi dalam mendepani kehidupan pasca penularan wabak COVID-19 yang kebanyakannya terkesan akibat kekurangan keperluan asasi disebabkan hilang sumber pendapatan dan lain-lain lagi (Hadi Ismut, 2021). Perkara ini mendorong kepada peningkatan masalah mental akibat tekanan sekali gus membawa kepada tingkah laku mendera, memukul bahkan sesetengah kes mangsa didera sehingga terlantar koma (Amin Jalil, 2021). Oleh itu, keganasan yang berlaku dalam rumahtangga jelas sekali membawa kepada perceraian. Apabila berlaku perceraian, maka ia melibatkan perasaan suami dan isteri bahkan psikologi anak-anak serta keluarga terdekat turut terganggu dan akhirnya membawa kepada keruntuhan institusi keluarga itu sendiri.

### **3. Sumbang Mahram**

Isu seterusnya melibatkan peranan golongan lelaki dalam keluarga seperti ayah, abang, datuk untuk melindungi ahli keluarga seolah-olah terhakis akibat nafsu sehinggakan mereka sanggup menjadi perogol kepada ahli keluarga mereka sendiri. Realiti isu sumbang mahram ini amat kerap dilaporkan oleh media massa yang sesetengahnya bukan sahaja melibatkan hanya abang atau ayah bahkan wujud juga kes melibatkan banyak pihak, ayah, abang, datuk yang merogol seorang mangsa yang merupakan ahli keluarganya sendiri. Bahkan kesan daripada PKP yang telah dilaksanakan baru-baru ini, berlakunya peningkatan kes sumbang mahram yang telah direkodkan akibat terlalu lama di rumah dengan jumlah ahli keluarga yang ramai (Maszureen Hadzman, 2021). Isu ini bukan sahaja merosakkan keturunan keluarga tersebut bahkan ia nya juga merosakkan masa depan mangsa.

### **4. Pembuangan bayi**

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh PDRM, kes pembuangan bayi yang dilaporkan sejak 2018-2021 adalah sekurang-kurangnya 10 kes pembuangan bayi dalam masa satu bulan. Perbuatan ini jelas sekali merosakkan institusi kekeluargaan kerana faktor utama yang mendorong kepada perbuatan ini disebabkan oleh kehamilan luar nikah (Siti Kamsiah, 2022).

Krisis serta permasalahan yang dinyatakan di atas merupakan faktor penyumbang serta penghalang kepada pembentukan sebuah keluarga yang aman, harmoni dan sejahtera dalam kalangan masyarakat.

## Pendekatan Dasar Keluarga Malaysia



Rajah 1: Konsep Pelaksanaan Dasar Keluarga Malaysia (Sumber: BeritaRTM, 2022)

Dasar Keluarga Malaysia yang dibawa oleh Perdana Menteri bagi mengetengahkan nilai murni dalam sesebuah keluarga seperti toleransi, tolong-menolong, empati, kasih sayang menzahirkan betapa pentingnya sebuah keluarga yang sejahtera untuk membina sebuah negara bangsa (Nasruddin Mohamed, 2021). Selain itu, hala tuju kepada dasar ini iaitu rakyat mesti berganding bahu memulihkan negara tanpa mengira perbezaan politik, agama dan bangsa juga amat sesuai dalam menangani impak negatif COVID-19 khususnya impak dari aspek sosiobudaya.

Tambahan pula, dasar ini juga diselaraskan dengan pelbagai

kementerian antaranya adalah Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) bagi memastikan elemen keluarga sejahtera didasari dengan konsep Maqasid Syariah. Oleh itu, segala pendekatan yang digunakan mestilah berpandukan lima prinsip utama Maqasid Syariah iaitu bagi menjaga agama, nyawa, akal, harta dan keturunan. Jelas sekali, konsep tersebut amat diperlukan bagi menangani masalah sosial yang semakin meruncing.

Oleh itu, inisiatif yang akan dilaksanakan berdasarkan prinsip ini adalah pemantapan institusi keluarga sosial dan komuniti berlandaskan prinsip Maqasid Syariah bagi menangani pelbagai isu yang berkisarkan polemik rumahtangga seperti masalah keganasan rumahtangga, perceraian dan lain-lain (IKIMfm, 2022). Selain itu, antara inisiatif lain yang dibawa oleh kementerian ini adalah pemantapan mental jasmani dan rohani. Kekuatan mental dan fizikal juga amat diperlukan bagi memastikan isu dan masalah yang berkaitan dengan masalah mental, stres dan lain-lain dapat dikurangkan.

Selain itu, antara usaha lain juga yang telah dan sedang dilaksanakan bagi memperkukuh insitituti kekeluargaan ini adalah, 'Satu Keluarga, Satu Rumah' (Juani Razak, 2022). Inisiatif ini diperkenalkan bagi memastikan keperluan asas sebuah keluarga dimiliki oleh semua rakyat bagi memastikan ahli keluarga mereka dilindungi. Bahkan melalui Dasar Perumahan Negara, setiap rumah yang dibina mestilah terdiri daripada tiga bilik atau lebih. Perkara ini bagi mengatasi isu sumbang mahram akibat ibu bapa yang tidak mampu menyediakan bilik untuk anak-anak (Noorazura , 2019).

## Keluarga Sejahtera, Keluarga Berlandaskan Maqasid Syariah

Prinsip Maqasid Syariah pada dasarnya bertujuan untuk melakukan sesuatu yang mendatangkan kebaikan (masalah) sekali gus menolak segala yang mendatangkan kemudaratan (mufsadah). Segala krisis keluarga yang berlaku perlu kepada pelaksanaan Maqasid Syariah bagi memastikan setiap tindakan individu mendatangkan kesan yang baik serta menghalang apa-apa yang mendatangkan keburukan.

Dasar, polisi serta tadbir urus negara seharusnya berlandaskan syariah kerana ia merupakan tonggak kepada kesejahteraan hidup manusia. Maqasid Syariah akan berperanan untuk memastikan segala urusan kehidupan dan pentadbiran negara sentiasa menatijahkan kebaikan serta kesejahteraan kepada seluruh ummah (Sofina Zainal, 2021).

Selain itu, Maqasid Syariah juga berperanan sebagai panduan asas untuk mengatur kehidupan bermasyarakat bagi mewujudkan suasana masyarakat yang aman dan sejahtera. Antara elemen yang perlu diberi perhatian adalah penekanan terhadap penjagaan aspek memelihara agama, jiwa, keturunan, akal dan harta (Zuhairi Ahmad, Hadenan Towpek, Razak Kadir, 2021).

Oleh itu, manifestasi penjagaan Islam terhadap institusi keluarga dibuktikan melalui pelbagai hukum hakam serta undang-undang yang telah ditetapkan bagi merealisasikan penjagaan kelima-lima maqasid tersebut sekali gus menjadi panduan kepada pembentukan keluarga sejahtera (Yusuf, 2017). Teras utama kepada elemen ini dimulakan dengan kewajipan menjaga agama. Ia nya dengan memastikan akidah, keimanan, *amar maaruf dan nahi mungkar* dalam institusi kecil ini terus dijaga.

Selain itu, antara asas terpenting kepada tujuan utama pembentukan sebuah keluarga adalah dari aspek memelihara keturunan sehinggakan setiap individu seharusnya mempunyai keturunan yang jelas dan sah melalui ikatan perkahwinan. Oleh yang demikian, perbuatan seperti zina, rogol dan sebagainya amat dilarang dalam Islam demi menjaga kesucian keturunan.

Tambahan pula, demi mencapai maqasid penjagaan harta, urusan yang berkait dengan kewangan juga diberi perhatian bagi memastikan keluarga yang sejahtera adalah keluarga yang sentiasa bertanggungjawab terhadap ahlinya dari pelbagai aspek. Oleh itu, kewajipan nafkah bukan sahaja diwajibkan ke atas isteri bahkan suami turut dipertanggungjawab memberi nafkah kepada isteri yang telah diceraikan. Langkah Kerajaan dengan mengenakan sekatan ke atas bekas suami yang culas amat bertepatan (Sri Ayu, 2022).

Justeru, setiap individu mahupun kerajaan wajar menjadikan prinsip Maqasid Syariah sebagai asas utama dalam membina institusi keluarga agar segala tingkahlaku yang dilakukan adalah sebagaimana yang dikehendaki oleh syariah. Hal ini bagi memastikan isu serta krisis yang berlaku dapat dielakkan sekali gus setiap individu

dapat mengecapi kestabilan serta keharmonian sesebuah keluarga (Shamsiah Supi, 2017).

## **Penutup**

Memperkasakan institusi kekeluargaan adalah tanggungjawab bersama yang melibatkan pelbagai pihak sama ada individu mahupun kerajaan. Tidak dinafikan impak pandemik COVID-19 mengeruhkan lagi kestabilan institusi ini namun usaha Kerajaan memperkenalkan Dasar Keluarga Malaysia amat bertepatan dan wajar disahut oleh semua pihak dan agensi. Hal ini bagi memastikan dasar ini lebih bersasar sekali gus membawa kepada pembentukan keluarga yang harmoni dan sejahtera. Selain itu, proses ini juga memerlukan penekanan terhadap pelaksanaan yang berlandaskan kepada Maqasid Syariah bagi memastikan setiap keputusan ataupun tindakan yang dilakukan berlandaskan pada landasan yang betul bagi mencapai kesejahteraan berkeluarga secara holistik sekali gus mampu menatijahkan Keluarga Malaysia sebuah negara sejahtera.

## SENARAI RUJUKAN

- Ainaa Aiman. (24 Februari, 2021). *freemalaysiatoday*. Retrieved from freemalaysiatoday.com: <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2021/02/24/kisah-manis-sugar-baby/>
- Amin Jalil. (14 Julai, 2021). *Harian Metro*. Retrieved from hmetro.com.my: <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/07/730433/koma-dipukul-suami-jahidah-sudah-separuh-sedar>
- Azlina Abdullah. (2012). Literatur dan Kajian Tentang Gender di Malaysia Sejak 1980 Hingga 2000an. *JURNAL ISLAM dan Masyarakat Kontemporari*.
- Fatimi Hanafi. (2015). Faktor-faktor Penglibatan Wanita Melayu Dalam Politik di Malaysia: Amalan Demokrasi dan Dasar Agama Islam. *Social Science Postgraduate International Seminar*, 228-236.
- Hadi Ismut. (5 Ogos, 2021). *Mufti of Federal Territory, Malaysia*. Retrieved from muftiwp.gov.my: <https://muftiwp.gov.my/en/perkhidmatan/artikel-soal-jawab/4906-bayan-linnas-siri-ke-238-keganasan-rumah-tangga-dalam-tempoh-pkp>
- IKIMfm. (12 April, 2022). Keluarga Malaysia, Keluarga Sejahtera. (S. Fatimah, Interviewer)
- Juani Razak. (13 Feb, 2022). *UtusanMalaysia*. Retrieved from utusan.com.my: <https://www.utusan.com.my/terkini/2022/02/satu-keluarga-satu-rumah-tepat-masanya/>
- Kamaruzzaman Yusoff. (21 Feb, 2021). *HarakahDaily*. Retrieved from HarakahDaily.net: <https://harakahdaily.net/index.php/2021/02/12/sugar-baby-di-universiti-kita-sudah-hilang-deria-rasa/>
- Maszureen Hadzman. (15 Jan, 2021). *UtusanMalaysia*. Retrieved from utusan.com.my: <https://www.utusan.com.my/nasional/2021/01/musim-pkp-bongkar-rahsia-sumbang-mahram/>
- Melati Arif. (11 Nov, 2018). *bernama*. Retrieved from bernama.com: <https://www.bernama.com/bm/rencana/news.php?id=1660671>
- Mualimin Mochammad Sahidi, H. H. (2020). *PRINSIP KELUARGA ISLAM MENDEPANI NORMA BAHARU SEMASA*. Selangor: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Nasruddin Mohamed. (14 Oktober, 2021). *Bernamea*. Retrieved from Bernama.com: <https://www.bernama.com/v2/bm/news.php?id=2013591>
- Noor Azizah. (17 Disember, 2020). *Astroawani*. Retrieved from Astroawani.com: <https://www.astroawani.com/video-malaysia/kes-sumbang-mahram-meningkat-ketika-pkp-1882010>
- Noorazura. (1 Jun, 2019). *Mymetro*. Retrieved from hmetro.com: <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/06/461526/institusi-kekeluargaan-makin-rapuh>
- Ratna Razak, Nik Haslinda. (2007). Peranan institusi keluarga dalam penjanaan bangsa bertamadun. *Jurnal Kemanusiaan*, 1.
- Shamsiah Supi. (06 September, 2017). *Sinar Harian*. Retrieved from ikim.gov.my: <https://www.ikim.gov.my/index.php/2017/09/06/maqasid-syariah-dalam-kekeluargaan/>

- Siti Kamsiah. (16 Feb, 2022). *Berita Harian*. Retrieved from bharian.com: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/02/923248/jenayah-buang-bayi-masih-berleluasa>
- Sofina Zainal. (13 Oktober , 2021). *myMetro*. Retrieved from hmetro.com: <https://www.hmetro.com.my/addin/2021/10/765673/maqasid-syariah-bina-sejahtera>
- Sri Ayu. (20 Mac, 2022). *Hmetro*. Retrieved from hmetro.com.my: <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/03/823053/sekat-akaun-bank-bekas-suami-culas-bayar-nafkah-dijangka-dilaksanakan-tahun>
- Yusuf, S. (2017). *Maqasid Syariah Berkaitan Dengan Keluarga*. UAE: Pusat Universiti Nour Al-Bashir di Al-Bayed.
- Zaiton Mustafa, Roslan Nor. (2019). Peranan Keluarga Muslim dalam Membina Masyarakat Sejahtera: Satu Sorotan Awal Terhadap Pemikiran Kekeluargaan Ibn Sina (980M-1037M). *JURNAL ISLAM DAN MASYARAKAT KONTEMPORARI*, 1-9.
- Zuhairi Ahmad, Hadenan Towpek, Razak Kadir. (2021). KESEJAHTERAAN KELUARGA MENURUT MAQASID SYARIAH DALAM KONTEKS MASYARAKAT MAJMUK DI SARAWAK. *Azka International Journal of Zakat*, 23.



Sila petik karya ini seperti berikut :

Shafiyah Iqlima Mohd Nadzri.(2022, Jun 2). *Pemeriksaan Institusi Keluarga Melalui Dasar Keluarga Malaysia. Perspektif*, 11/2022.

Maklumat mengenai penerbitan Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS) boleh didapati di :

[www.tsis.my](http://www.tsis.my)



© Hak Cipta Terpelihara